

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan
DARIPADA : Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
TARIKH : 14 Oktober 2014 (Selasa)
SOALAN : Dato' Mansor bin Othman minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah bilangan keseluruhan kakitangan yang berkhidmat dengan TEKUN Nasional kini dan berapakah jumlah kos setiap bulan bagi membayar gaji dan lain-lain emolumen kepada kakitangan TEKUN.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

TEKUN Nasional adalah agensi yang diwujudkan bagi membantu usahawan yang memerlukan modal permulaan atau modal tambahan dalam bidang perniagaan. TEKUN juga adalah institusi yang memberi peluang dan perkhidmatan sokongan pembangunan keusahawanan. TEKUN Nasional mempunyai seramai 969 orang warga kerja dan ditempatkan di Ibu Pejabat TEKUN Nasional, 193 buah pejabat kawasan, 14 buah pejabat negeri dan 12 buah *business centre*, 10 buah *mini business centre*, 8 buah *Urban Transformation Centre* (UTC) dan 5 buah *Rural Transformation Centre* (RTC). Kos bagi pembayaran gaji dan emolumen untuk keseleuruhan warga kerja TEKUN Nasional adalah sebanyak RM2.49 juta sebulan dan ditanggung daripada caj pengurusan yang dikenakan kepada peminjam/ usahawan.